

KENYATAAN MEDIA

PERDANA MENTERI MELANCARKAN

MRT FASA PERTAMA LALUAN

SUNGAI BULOH-KAJANG

Kuala Lumpur, 15 Disember 2016: Satu peristiwa bersejarah berjaya dilakar hari ini apabila Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak secara rasminya melancarkan Fasa Pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang, laluan MRT yang pertama di negara ini.

Pelancaran yang berlangsung di Stesen Kwasa Damansara menandakan tamatnya pembinaan bahagian bertingkat utara Laluan SBK sepanjang 21km. Bahagian ini akan mula menerima penumpang dari pukul 6:00 pagi keesokan harinya pada 16 Disember 2016.

Bahagian laluan ini merangkumi 12 stesen antara Stesen Sungai Buloh dan Stesen Semantan, iaitu Kampung Selamat, Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Kota Damansara, Surian, Mutiara Damansara, Bandar Utama, Taman Tun Dr Ismail, Phileo Damansara dan Pusat Bandar Damansara.

Baki laluan dari Semantan ke Kajang, termasuk bahagian bawah tanah laluan ini, akan dibuka pada bulan Julai tahun hadapan di bawah pengoperasian Fasa Kedua. Apabila Fasa Kedua mula beroperasi, keseluruhan laluan SBK sepanjang 51km dari Sungai Buloh ke Kajang akan dibuka sepenuhnya.

Selain Perdana Menteri, orang kenamaan lain turut hadir ke majlis itu adalah Menteri Pengangkutan Dato' Sri Liow Tiong Lai, Menteri Kewangan II Datuk Johari Abdul Ghani, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Dato' Seri Nancy Shukri dan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Tan Sri Dato' Seri Dr Syed Hamid Albar..

Turut hadir adalah Barisan Kanan Kepimpinan dan warga kerja Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), pengurusan kanan MMC Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd yang merupakan rakan pelaksana projek Laluan SBK, dan pengurusan kanan Prasarana Negara Bhd, pengendali Laluan SBK.

Dalam ucapan beliau di majlis pelancaran, Perdana Menteri berkata hari ini merupakan hari yang begitu penting bagi rakyat Malaysia, terutama bagi mereka yang menetap di Lembah Klang.



"Mulai esok, rakyat akan dapat menikmati satu perkhidmatan pengangkutan awam yang paling moden di negara ini," kata beliau.

Mohd Najib berkata Projek MRT ini begitu dekat dengan hati beliau dan beliau sendiri telah meletakkan perhatian yang mendalam terhadap pembangunan projek ini.

"Kita telah menempuhi perjalanan yang jauh dipenuhi dengan pelbagai cabaran untuk merealisasikan projek ini. Apa yang dianggap impian pada suatu ketika dahulu, kini menjadi realiti," katanya.

Perdana Menteri berkata Projek ini mempunyai semua ciri-ciri yang melambangkan teras pentadbiran beliau, iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Pelancaran laluan membuktikan pentabiran beliau telah menepati janji yang telah dibuat.

Beliau memberi pujian kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp), Pemilik Projek, yang telah berjaya menyiapkan bahagian-bahagian Projek tepat pada masanya. Beliau turut menekankan tentang semua kontrak-kontrak yang telah dianugerahkan bagi Laluan SBK, kos sebenar Projek adalah hanya lebih kurang RM21 bilion.

"Di awal pembinaan Projek, Kerajaan telah menetapkan kos sasaran bagi pembinaan projek pada RM23 bilion. Ini bermakna Kerajaan telah dapat menjimat kira-kira RM2 bilion," ujar beliau.

Dengan pelancaran pada hari ini, MRT Corp akan menyerahkan Fasa Pertama Laluan SBK kepada Rapid Rail Sdn Bhd, anak syarikat bagi Prasarana Malaysia Bhd yang telah dilantik sebagai pengendali bagi Laluan SBK.

"Saya percaya Rapid Rail sudah cukup bersedia untuk memainkan peranan sebagai pengendali perkhidmatan MRT ini, berdasarkan pengalaman luas mereka dalam mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan LRT, Monorel, bas-bas di Lembah Klang dan juga di bahagian-bahagian lain di Malaysia, malah di luar negara seperti di Makkah Metro Rail," katanya.

Beliau berkata jutaan penduduk di Lembah Klang mengharapkan Rapid Rail untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada mereka.

"Saya begitu yakin Rapid Rail akan dapat memastikan tahap perkhidmatan yang efisien, boleh percaya, tepat pada waktu dan selamat untuk para penumpang," katanya.

Perdana Menteri juga mengumumkan Rapid Rail akan memberi perkhidmatan percuma kepada penumpang yang menaiki tren MRT dan bas-bas pengantara Laluan SBK mulai hari esok (16 Disember 2016) sehingga 16 Januari 2017. Tambang hanya akan dikenakan mulai dari 17 Januari 2017.



Pengerusi MRT Corp Tan Sri Dr Ali Hamsa, merangkap Ketua Setiausaha Kerajaan, yang telah berucap di permulaan majlis berkata hari ini merupakan hari yang begitu bersejarah kerana ia adalah hasil titik peluh selama lima tahun oleh warga kerja MRT Corp serta rakan-rakan pelaksananya yang terlibat dalam menjayakan Projek ini.

Malah, bagi penduduk Malaysia, terutama bagi mereka yang menetap di Lembah Klang, beliau berkata mereka kini boleh menggunakan perkhidmatan ini selepas menyaksikan pembinaannya selama lima tahun yang lalu.

“Untuk Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Sri, ini adalah bukti kukuh bahawa Kerajaan telah berjaya menyempurnakan sebuah Projek untuk keselesaan rakyat sejajar dengan moto pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato’ Sri, iaitu “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan,” katanya.

Untuk gimik pelancaran selepas tamatnya ucapan, Perdana Menteri telah dijemput untuk meletakkan tapak tangan beliau di skrin. Ini telah memulakan satu video perjalanan tren sepanjang keseluruhan Fasa Pertama Laluan SBK yang memaparkan semua stesen-stesen serta tempat-tempat menarik berdekatan dengan stesen.

Perdana Menteri turut menyerahkan sijil-sijil penyertaan kepada 14 peniaga yang telah mengambil bahagian dalam Program Niaga MRT. Peniaga-peniaga ini akan membuka premis perniagaan mereka di 21 stesen-stesen bertingkat Laluan SBK.

Perdana Menteri bersama dengan Pengerusi Sirim Bhd Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali kemudiannya menyaksikan anugerah sijil ISO9001:2015 kepada MRT Corp, yang merupakan organisasi pembinaan atau pemaju projek kereta api yang pertama di Malaysia yang diberi pensijilan ini. Sijil telah dianugerahkan oleh Pengarah Pengurusan Sirim Encik Mohd Azanuddin Salleh kepada Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato’ Sri Shahril Mokhtar.

Sebelum mengakhiri majlis, Perdana Menteri telah dihadiahkan sebuah model tren MRT Laluan SBK sebagai cenderahati bagi majlis yang penuh bersejarah ini. Tren yang dibekalkan oleh Siemens AG ini merupakan tren yang sangat istimewa kerana ini merupakan tren yang pertama dipasang sepenuhnya di Malaysia oleh syarikat tempatan SMH Rail Sdn Bhd di kilang pemasangan tren di Rasa, Hulu Selangor.

Selepas menutup majlis, Perdana Menteri telah mengambil mikrofon dan dengan bangganya telah membuat pengumuman menjemput semua tetamu yang telah hadir ke majlis itu untuk bersama-samanya menaiki tren MRT.

Tren dari Stesen Kwasa Damansara, yang merupakan satu daripada dua stesen yang berada di dalam kawasan Kwasa Damansara yang bakal dibangunkan, telah menuju ke Stesen Sungai Buloh, perhentian terakhir di hujung utara Laluan SBK.



Rombongan itu kemudian telah kembali ke Stesen Kwasa Damansara, menandakan berakhirnya majlis itu.

Pembinaan Laluan SBK, yang merupakan laluan pertama daripada tiga laluan MRT Lembah Klang (KVMRT) yang akan dibina, telah bermula pada 8 Julai 2011.

Dua laluan yang lain adalah MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di mana pembinaan secara rasminya telah bermula pada 15 September 2016; dan MRT Laluan 3 yang sedang di dalam peringkat kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*).

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Encik Leong Shen-Li
MRT Corp

012-3196602 / leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my